



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### **MAJLIS PELANCARAN BUKU KOLEKSI TEKS UCAPAN & COFFEE TABLE KPPA DAN SESI TOWN HALL BERSAMA-SAMA WARGA UNIVERSITI AWAM DAN PELAJAR-PELAJAR TAJAAN JPA**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku Koleksi Teks Ucapan & *Coffee Table* KPPA dan Sesi *Town Hall* bersama-sama Warga Universiti Awam (UA) dan Pelajar-Pelajar Tajaan JPA.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM telah berkenan berangkat mencemar duli hadir ke Majlis Pelancaran Buku Koleksi Teks Ucapan & *Coffee Table* KPPA yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM, Bangi.

Baginda turut berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Alumni Tersohor UKM kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) atas pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian cemerlang beliau dalam Perkhidmatan Awam di Malaysia dan UKM khususnya. Tan Sri KPPA merupakan alumni kepada UKM yang telah menamatkan pengajian dalam bidang Sains pada tahun 1985.

Pada sesi kedua, majlis diteruskan dengan Sesi *Town Hall* KPPA bersama-sama Warga Universiti Awam dan Pelajar-Pelajar Tajaan JPA yang bertemakan '**Bangsa Berilmu, Semarak Aspirasi Negara**'. KPPA berkongsi pelbagai perkara berkaitan dasar-dasar Kerajaan dan juga pandangan beliau dalam aspek Perkhidmatan Awam bagi mendepani cabaran semasa dan akan datang di sesi *Town Hall* ini.

Beliau turut menyantuni pelbagai pandangan daripada para peserta yang hadir secara hibrid menerusi sesi soal jawab bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan jelas, di samping memberi kefahaman tentang persoalan yang dibangkitkan supaya mereka mampu menyampaikan maklumat yang tepat dan benar kepada pihak-pihak lain dengan sebaik mungkin pada masa hadapan.

Program ini diharap dapat memberikan impak yang besar kepada seluruh anggota Keluarga Perkhidmatan Awam serta mencapai objektif menerusi kehadiran warga UA di seluruh Malaysia dan pelajar-pelajar tajaan JPA yang sedang mengikuti latihan dalam perkhidmatan khususnya supaya dapat bersama-sama berganding bahu memacu institusi Perkhidmatan Awam untuk sentiasa berada di hadapan pada tahap yang tertinggi dan menjadi tunjang dalam pentadbiran negara.

Program turut disiarkan secara langsung melalui laman Facebook JPA dan aplikasi Zoom dengan kehadiran 600 jemputan di dalam dewan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB. Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak, Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, merangkup Presiden, Majlis Alumni UKM dan YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj.Toriman, Naib Canselor UKM.

#####

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

**16 November 2021**

Tel : 03 - 8885 3096 / 3146 / 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 ( 14 )

---

#### **Pertanyaan Media**

Shahrul Nizam bin Mohd Tahir 019-3551154

Nor Diana binti Mohamad Sadek 016-3241593

Nur Aimi Huwaina binti Muhammad Nur Akmar 017-2661917